

MUHAMMAD SAFIUDDIN BIN OTHAMAN v TIMBALAN MENTERI DALAM
NEGERI DAN LAIN-LAIN

CaseAnalysis

| [2018] MLJU 787

Muhammad Safiuddin bin Othaman lwn Timbalan Menteri Dalam Negeri,
Malaysia dan lain-lain
[2018] MLJU 787

Malayan Law Journal Unreported

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR)

ALIZA SULAIMAN PK

PERMOHONAN JENAYAH NO 44-147-09 TAHUN 2017

31 May 2018

Luqman bin Mazlan (Kay Fatima bt Ahmat bersama beliau) (Shamsuddin & Co) bagi pihak pemohon.

Norazlin Mohamad Yusoff (Peguam Persekutuan, Kementerian Dalam Negeri) bagi pihak responden.

Aliza Sulaiman PK:

PENGHAKIMAN Pengenalan

[1]Pemohon kini ditahan di Pusat Pemulihan Akhlak, Machang, Kelantan di bawah subseksyen 6(1) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 [*Akta 316*] melalui satu perintah tahanan bertarikh 28 Mac 2017 ('PT tersebut') yang dikeluarkan oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia ('TMDN').

....

[2]Melalui satu Notis Usul yang difailkan pada 8 September 2017 (Lampiran 1), Pemohon memohon supaya suatu perintah writ *habeas corpus* dikeluarkan bagi membebaskan Pemohon daripada tahanan yang didakwa adalah tidak sah.

Fakta Latar Belakang

[3]Pemohon telah ditangkap dan ditahan di Balai Polis Padang Matsirat, Langkawi, Kedah pada 3 Februari 2017 di bawah subseksyen 3(1) Akta 316.

[4]Pegawai polis yang membuat penyiasatan berkaitan dengan Pemohon iaitu Inspektor Wan Mohd Fadillah Bin Mat telah mengemukakan laporan lengkap penyiasatan kepada Menteri Dalam Negeri dan Pegawai Siasatan yang dilantik oleh Menteri Dalam Negeri iaitu Nadia Binti Mohd Izhar pada 14 Mac 2017 selaras dengan peruntukan subseksyen 3(3) Akta 316 (Afidavit-Afidavit Jawapan yang diikrarkan oleh Inspektor Wan Mohd Fadillah Bin Mat dan Nadia Binti Mohd Izhar pada 27 Oktober 2017 dan 13 Oktober 2017 sebagaimana Lampiran 13 dan 7 masing-masing adalah dirujuk).

[5]Pegawai Siasatan Nadia telah menjalankan penyiasatan secara fizikal terhadap Pemohon pada 14 Mac 2017 dan pada tarikh yang sama, laporan secara bertulis telah dikemukakan kepada Menteri Dalam Negeri sebagaimana yang diperuntukkan di bawah subseksyen 5(4) Akta 316.

[6]YB Dato' Masir Anak Kujat, TMDN telah meneliti laporan lengkap penyiasatan dan laporan Pegawai Siasatan Kementerian Dalam Negeri ('KDN') yang dikemukakan di bawah subseksyen 3(3) dan 5(4) Akta 316 dan berpuas hati bahawa bagi kepentingan ketenteraman awam Pemohon perlu ditahan. Oleh yang demikian, TMDN telah mengarahkan supaya Pemohon ditahan selama dua tahun mulai 28 Mac 2017 di Pusat Pemulihan Akhlak, Machang, Kelantan melalui PT tersebut (Afidavit Jawapan yang diikrarkan oleh YB Dato' Masir Anak Kujat pada 4 Oktober 2017 di Lampiran 9 dirujuk).

....

[7]Pemohon telah mengemukakan representasi terhadap PT tersebut kepada Lembaga Penasihat yang ditubuhkan di bawah Fasal (2) Perkara 151 Perlembagaan Persekutuan. Representasi tersebut telah didengar oleh Lembaga Penasihat pada 6 Jun 2017 dengan kehadiran Pemohon dan peguamnya, Dato' Rosal Azimin Bin Ahmad daripada Tetuan Shamsuddin & Co. (merujuk Afidavit Jawapan yang diikrarkan oleh Redman Bin Safar pada 5 Disember 2017 di Lampiran 18).

[8]Lembaga Penasihat telah menimbangkan representasi Pemohon pada 9 Jun 2017 dan membuat syor mengenainya kepada Yang di-Pertuan Agong selaras dengan subseksyen 10(1) Akta 316. Seterusnya, pada 24 Jun 2017, Yang di-Pertuan Agong telah menimbangkan syor Lembaga Penasihat dan memperkenankan PT tersebut.

[9]Alasan-alasan bagi menyokong permohonan Pemohon tersebut adalah sebagaimana yang terkandung dalam Afidavit Sokongan yang diikrarkannya pada 16 Ogos 2017 (Lampiran 2) seperti yang dikehendaki di bawah seksyen 366 Kanun Tatacara Jenayah [Akta 593]. Menurut Pemohon, tangkapan dan penahanannya berdasarkan PT tersebut adalah tidak sah di sisi undang-undang dan tidak teratur kerana ianya bercanggah dengan peruntukan undang-undang iaitu, antara lain, seksyen-seksyen 3, 4 dan 5 Akta 316 serta Kaedah-Kaedah Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) (Prosedur Lembaga Penasihat) 1987.

[10]Permohonan Pemohon telah didengar pada 3 Mei 2018.

Afidavit-Afidavit Jawapan Responden-Responden

[11]Responden-Responden telah memfailkan 11 Afidavit-Afidavit Jawapan untuk membantah permohonan Pemohon iaitu seperti yang berikut:

- (a) Afidavit Jawapan oleh Superintenden Polis Helmi Bin Aris, yang bertugas di Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik ('JSJN'), Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kedah ('IPPK Kedah') yang diikrarkan pada 11 Oktober 2017 (Lampiran 5);

....

- (b) Afidavit Jawapan oleh Deputy Komisioner Polis Dato' Pahlawan Mohd. Dzuraiddi Bin Ibrahim, Timbalan Pengarah (Perlucuthakan Harta/ Perundangan/ Tahanan), JSJN, Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia, Bukit Aman, Kuala Lumpur yang diikrarkan pada 12 Oktober 2017 (Lampiran 6);
- (c) Afidavit Jawapan oleh Nadia Binti Mohd Izhar, Pegawai Siasatan KDN yang diikrarkan pada 13 Oktober 2017 (Lampiran 7);
- (d) Afidavit Jawapan oleh Arbi Bin Suhadat, Penolong Setiausaha, Bahagian Keselamatan dan Ketenteraman Awam, KDN yang diikrarkan pada 13 Oktober 2017 (Lampiran 8);
- (e) Afidavit Jawapan oleh YB Dato' Masir Anak Kujat, TMDN yang diikrarkan pada 4 Oktober 2017 (Lampiran 9);
- (f) Afidavit Jawapan oleh Detektif Sarjan Siti Dewi Binti Che Man, anggota polis di JSJN, IPPK Kedah yang diikrarkan pada 27 Oktober 2017 (Lampiran 11);
- (g) Afidavit Jawapan oleh Mohd Zamri Bin Ngah, Penguasa dan Pegawai Yang Menjaga Pusat Pemulihan Akhlak Machang, Kelantan yang diikrarkan pada 3 November 2017 (Lampiran 12);
- (h) Afidavit Jawapan oleh Inspektor Wan Mohd Fadillah Bin Mat yang bertugas di JSJN, IPPK Kedah yang diikrarkan pada 27 Oktober 2017 (Lampiran 13);
- (i) Afidavit Jawapan oleh Mohd Ilham Bin Abdullah, Warder Penjara di Pusat Pemulihan Akhlak Machang, Kelantan yang diikrarkan pada 16 November 2017 (Lampiran 14);
- (j) Afidavit Jawapan oleh Lans Koperal Tee Tian Lai yang bertugas di Bahagian Tahanan, Balai Polis Simpang Rengam, Johor yang diikrarkan pada 8 Disember 2017 (Lampiran 17); dan
- (k) Afidavit Jawapan oleh Redman Bin Safar, Setiausaha kepada Lembaga Penasihat, Jabatan Perdana Menteri yang diikrarkan pada 5 Disember 2017 (Lampiran 18).

....

[12]Tiada Afidavit Jawapan yang telah difailkan oleh Pemohon terhadap Afidavit-Afidavit Responden-Responden yang dinyatakan di atas.

Isu-Isu Yang Dibangkitkan oleh Pemohon

[13]Sungguhpun Afidavit Sokongan Pemohon telah membangkitkan beberapa alasan bagi mencabar kesahihan penahanan Pemohon dari segi undang-undang namun dalam Penghujahan Bertulis peguam Pemohon bertarikh 2 April 2018 dan semasa penghujahan lisan, Pemohon bergantung kepada dua aspek berkenaan Pengatahan-Pengatahan Fakta Yang Atasnya Perintah Tahanan Diasaskan ('Pengatahan tersebut' - ekshibit "MK-1? dalam Afidavit Jawapan YB Dato' Masir Anak Kujat) untuk mencabar keesahan PT tersebut iaitu:

- (a) aktiviti pengedaran dadah berbahaya terletak di luar bidang kuasa TMDN; dan
- (b) rujukan minda TMDN ialah terhadap satu perkara di luar bidang kuasa beliau.

Prinsip Undang-Undang berkenaan perintah writ *habeas corpus*

[14]Hak substantif seseorang tahanan seperti Pemohon untuk mendapatkan writ *habeas corpus* adalah berasaskan salah satu kebebasan asasi yang termaktub di bawah Fasal (1) Perkara 5 Perlembagaan Persekutuan iaitu -

"5. (1) Tiada seorang pun boleh diambil nyawanya atau dilucutkan kebebasan dirinya kecuali mengikut undang-undang.?"

[15]Selanjutnya Fasal (2) Perkara 5 Perlembagaan Persekutuan dan seksyen 365 Akta 593 memperuntukkan mengenai kuasa Mahkamah Tinggi berkenaan perkara ini dalam perkataan sebagaimana di bawah:

"5. ... (2) Jika pengaduan dibuat kepada Mahkamah Tinggi atau mana-mana hakim Mahkamah Tinggi menyatakan bahawa seseorang sedang ditahan dengan menyalahi undang-undang, maka mahkamah itu hendaklah menyiasat pengaduan itu dan, melainkan jika mahkamah itu berpuas hati bahawa tahanan itu adalah sah, hendaklah memerintahkan supaya orang itu dibawa ke hadapan mahkamah itu dan melepaskannya.?"

....

" 365. *The High Court may whenever it thinks fit direct -*

(a) *that any person who:*

(i) *is detained in any prison within the limits of Malaysia on a warrant of extradition whether under the Extradition Act 1992 [Act 479]; or*

(ii) *is alleged to be illegally or improperly detained in public or private custody within the limits of Malaysia,*

be set at liberty;

(b) *that any defendant in custody under a writ of attachment be brought before the Court to be dealt with according to law.?.*

[16] Dalam kes *Re Datuk James Wong Kim Min; Minister of Home Affairs, Malaysia & Ors. v Datuk James Wong Kim Min* [1976] 2 MLJ 245, Lee Hun Hoe (Borneo) CJ memperkatakan mengenai tahanan pencegahan seperti yang berikut:

"Preventive detention is the detention of a person without trial as opposed to punitive detention where a person is detained after a trial in a Court of law in which he is proved to have committed an offence punishable under certain provisions of the penal law. Preventive detention is, therefore, a serious invasion of personal liberty. Whatever safeguard that is provided by law against the improper exercise of such power must be zealously watched and enforced by the Court. In a matter so fundamental and important as the liberty of the subject, strict compliance with statutory requirements must be observed in depriving a person of his liberty. The material provisions of the law authorising detention without trial must be strictly construed and safeguards which the law deliberately provides for the protection of any citizen must be liberally interpreted. Where the detention cannot be held to be in accordance with the procedure established by the law, the detention is bad and the person detained is entitled to be released forthwith. Where personal liberty is concerned an applicant in applying for a writ of habeas corpus is entitled to avail himself of any technical defects which may invalidate the order which deprives him of his liberty. See Ex Parte Johannes Choeldi & Ors. [1960] 1 LNS 25.

One of the functions of the Courts is to interpret the law. An inherent part of their function is to see that the executive acts within the law and does not encroach unnecessarily into the realm of liberty of the subject. In fact, Art. 5(1) of the Constitution guarantees that no person shall be deprived of his liberty except in accordance with the law. If this

....

constitutional guarantee is to have any real meaning at all, then it is imperative that the Courts should intervene whenever the liberty of the subject is encroached upon not in accordance with the law.?

[penekanan ditambah]

[17]Seterusnya, perkara mengenai kajian semula kehakiman berkenaan tindakan atau keputusan Yang di-Pertuan Agong dan Menteri dalam konteks Akta 316 diperuntukkan di bawah seksyen 11C seperti yang berikut:

“11C.

- (1) Maka tidaklah boleh diadakan apa-apa kajian semula kehakiman dalam mana-mana mahkamah akan, dan tiada mahkamah boleh mempunyai atau menjalankan apa-apa bidang kuasa berkenaan dengan, apa-apa tindakan yang dilakukan atau keputusan yang dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong atau Menteri pada menjalankan kuasa menurut budi bicara mereka mengikut Akta ini, kecuali mengenai apa-apa soalan tentang pematuhan apa-apa kehendak prosedur di bawah Akta ini yang mengawal selia tindakan atau keputusan itu.
- (2) Kekecualian mengenai apa-apa soalan tentang pematuhan apa-apa kehendak prosedur dalam subseksyen (1) tidaklah terpakai jika alasan adalah seperti yang diperihalkan dalam seksyen 6A.?

[penekanan ditambah]

[18]Berdasarkan perenggan (c) di bawah seksyen 11D Akta 316, “kajian semula kehakiman? adalah termasuk prosiding yang dimulakan dengan cara writ *habeas corpus*.”

[19]Mahkamah Persekutuan dalam kes *Lee Kew Sang v Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors* [2005] 3 CLJ 914 telah menetapkan bahawa apa-apa cabaran terhadap perintah penahanan yang dibuat oleh Menteri Dalam Negeri adalah dihadkan “*to grounds of non-compliance with any procedural requirement, and nothing else?*” dan khususnya di muka

....

surat 930 penghakiman tersebut, Abdul Hamid Mohamad HMP memutuskan seperti yang berikut:

"In our view, courts must give effect to the amendments. That being the law, it is the duty of the courts to apply them. So, in a habeas corpus application where the detention order of the Minister made under section 4(1) of the Ordinance or, for that matter, the equivalent sections in ISA 1960 and DD(SPM) Act 1985, the first thing that the courts should do is to see whether the ground forwarded is one that falls within the meaning of procedural non-compliance or not. To determine the question, the courts should look at the provisions of the law or the rules that lay down the procedural requirements. It is not for the courts to create procedural requirements because it is not the function of the courts to make law or rules. If there is no such procedural requirement then there cannot be non-compliance thereof. Only if there is that there can be non-compliance thereof and only then that the courts should consider whether, on the facts, there has been non-compliance.?"

[penekanan ditambah]

[20]Oleh yang demikian, adalah jelas bahawa bagi sesuatu permohonan writ *habeas corpus* yang melibatkan tahanan pencegahan, semakan kehakiman hanyalah boleh dibuat terhadap isu ketidakpatuhan apa-apa kehendak prosedur menurut perundangan yang berkenaan.

[21]Dari segi beban pembuktian pula, kes *SK Tangakaliswaran Krishnan v Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors* [2009] 6 CLJ 705 telah memutuskan bahawa -

"[5] ... It is settled law that on an application for habeas corpus the burden of satisfying the court that the detention is lawful lies throughout on the detaining authority. See, Chng Suan Tze v. The Minister of Home Affairs & Ors And Other Appeals [1998] 1 LNS 162. In Mohinuddin v. District Magistrate, Beed AIR [1987] SC 1977, the Supreme Court of India observed as follows in the context of art. 22 of the Indian Constitution from which is drawn our art. 151:

It is enough for the detenu to say that he is under wrongful detention, and the burden lies on the detaining authority to satisfy the Court that the detention is not illegal or wrongful and that the petitioner is not entitled to the relief claimed. This Court on more occasions that one has dealt with the question and it is now well-settled that is is incumbent on the State to satisfy the Court that the detention of the petitioner/detenu was legal and in conformity not only with the mandatory provisions of the Act but also strictly in accord with the constitutional safeguards embodied in Art. 22(5).

[6] So too here. It is for the respondents to prove that the constitutional and statutory safeguards embodied in art. 151 and

....

s. 6(1) *were strictly complied with. The liberty of an individual should not be infringed upon even to the slightest extent without proof that the impugned infringement is in accordance with the Constitution and statute.?*

[penekanan ditambah]

Analisa Undang-Undang Isu Pertama: Aktiviti pengedaran dadah berbahaya terletak di luar bidang kuasa Timbalan Menteri Dalam Negeri

[22]Perenggan-perenggan 9 dan 30 Afidavit Sokongan Pemohon menyatakan seperti yang berikut:

"9. Saya ditangkap pada 3 Februari 2017 di Balai Polis Padang Matsirat, jalan Padang Matsirat, Langkawi, di dalam Negeri Kedah Darul Aman dan semasa saya ditangkap, saya tidak langsung dimaklumkan akan alasan-alasan penangkapan saya yang mana saya hanya mendapat tahu selepas saya telah ditangkap dan dibawa ke balai polis iaitu, antara lain:

a) Kononnya saya terlibat dengan aktiviti pengedaran dadah berbahaya sejak bulan Mac 2016 hingga bulan Julai 2016 secara tidak berterusan di sekitar kawasan Pekan Danok Thailand, disekitar kawasan Kuarters Agensi Kawalan Sempadan (AKSEM) Bukit Kayu Hitam, Kedah dan sekitar kawasan rumah di alamat No. 465, Sungai Tiang, Felda Sungai Tiang, Pendang, Kedah; ...

30. Lembaga Penasihat telah menolak permohonan Penguamcara saya dan mengarahkan untuk sidang representasi saya berjalan tanpa memberi pertimbangan kepada permohonan peguamcara saya untuk memanggil saksi-saksi bagi menyokong representasi saya. Tambahan pula, semasa sidang representasi saya, pegawai penyiasat polis membuat pengakuan bersumpah ketika sidang representasi bahawa pihak polis langsung tidak pernah pada bila-bila masa membuat lawatan ke kawasan-kawasan di mana kononnya saya menjalankan aktiviti pengedaran dadah berbahaya dan salah satu kononnya kawasan pengedaran saya iaitu Pekan Danok Thailand bukan merupakan kawasan yang mana pihak polis mempunyai sebarang kuasa.?

[23]Seterusnya, Pengataan tersebut perlu diteliti dan ianya diperturunkan dengan sepenuhnya seperti yang berikut:

"

....

1. Bahawa kamu didapati terlibat dengan aktiviti pengedaran dadah berbahaya jenis Heroin dan dadah jenis Syabu yang mengandungi dadah berbahaya jenis Methamphetamine sejaj awal bulan Mac 2015 hingga bulan Julai 2016 secara tidak berterusan di sekitar kawasan Pekan Danok, Thailand, di sekitar kawasan Kwarters Agensi Kawalan Sempadan (AKSEM) Bukit Kayu Hitam, Kedah dan di sekitar kawasan rumah di alamat No. 465, Sungai Tiang, Felda Sungai Tiang, Pendang, Kedah.
2. Bahawa kamu didapati mengendalikan aktiviti pengedaran dadah dengan membawa masuk bekalan dadah berbahaya jenis Heroin dan dadah jenis Syabu yang mengandungi dadah berbahaya jenis Methamphetamine dari Pekan Danok, Thailand ke kawasan Kwarters Agensi Kawalan Sempadan (AKSEM) Bukit Kayu Hitam, Kedah untuk tujuan pengedaran.
3. Bahawa kamu didapati menerima upah sebanyak RM5,000.00 daripada pengedar dadah tempatan bagi setiap transaksi menyeludup masuk dadah berbahaya jenis Heroin dan dadah jenis Syabu yang mengandungi dadah berbahaya jenis Methamphetamine dari Pekan Danok, Thailand ke kawasan Kwarters Agensi Kawalan Sempadan (AKSEM) Bukit Kayu Hitam, Kedah.
4. Bahawa kamu didapati telah membawa bekalan dadah jenis Syabu yang mengandungi dadah berbahaya jenis Methamphetamine sebanyak 45 kilogram ke sebuah rumah di alamat No. 465, Sungai Tiang, Felda Sungai Tiang, Pendang, Kedah untuk diserahkan kepada seorang ahli sindiket bagi tujuan pengedaran.
5. Bahawa kamu didapati mengupah seorang pembantu sebanyak RM1,000.00 bagi membawa masuk dadah yang disembunyikan dalam tayar lori dari kawasan Pekan Datok, Thailand melalui tempat pemeriksaan CIQ, Bukit Kayu Hitam, Kedah ke kawasan Kwarters Agensi Kawalan Sempadan (AKSEM) Bukit Kayu Hitam, Kedah).?.

[24]Peguam Pemohon menghujahkan bahawa Pengataan tersebut adalah berdasarkan fakta-fakta yang salah dan/ atau cacat iaitu kawasan di mana Pemohon didakwa menjalankan aktiviti pengedaran dadah berbahaya ialah di sekitar kawasan Pekan Danok, Thailand yang terletak di luar bidang kuasa TMDN. Oleh itu, TMDN dikatakan telah bertindak di luar bidang kuasa apabila beliau mengeluarkan PT tersebut dan dengan secara langsung, PT tersebut adalah cacat dan defektif.

[25]Semasa penghujahan lisan, peguam Pemohon dan Peguam Persekutuan memberitahu Mahkamah ini bahawa belum ada keputusan Mahkamah yang dilaporkan yang menyentuh mengenai asas untuk mencabar suatu perintah tahanan sebagaimana yang dibangkitkan dalam kes ini.

....

[26]Pertimbangan ke atas isu pertama ini dimulakan dengan merujuk kepada Pengataan tersebut yang mana Pemohon dikatakan menjalankan aktiviti pengedaran dadah berbahaya jenis Heroin dan jenis Syabu yang mengandungi dadah berbahaya jenis Methamphetamine dengan membawa masuk atau menyeludup dadah berbahaya tersebut dari Pekan Danok, Thailand ke kawasan Kuarters Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (AKSEM) Bukit Kayu Hitam, Kedah.

[27]Seksyen 2 Akta 316 memperuntukkan tafsiran perkataan “pengedaran? sebagai “mempunyai makna yang sama sebagaimana yang diberikan kepadanya di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952?.

[28]Seksyen 2 Akta Dadah Berbahaya 1952 [*Akta 234*] mentafsirkan perkataan “pengedaran? sebagai “termasuklah melakukan salah satu daripada perbuatan-perbuatan ini, iaitu seperti mengilang, mengimport, mengeksport, menyimpan, menyorok, membeli, menjual, memberi, menerima, menyetor, mengendalikan, mengangkut, membawa, menghantar, mengirim, berusaha mendapatkannya, membekal atau mengedar sesuatu dadah berbahaya atau dengan cara lain di bawah penguatkuasaan Akta ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini?.

[29]Semakan portal KDN menunjukkan bahawa objektif Kementerian tersebut, antara lain, ialah

-

- (a) memastikan keselamatan negara dan ketenteraman awam sentiasa terjamin dan terpelihara melalui kemantapan tindakan penguatkuasaan undang-undang dan kecekapan pelaksanaan dasar-dasar bagi program-program yang berorientasikan perkhidmatan teras KDN. Pengukuran atau penilaian adalah berdasarkan, antara lain, indeks jenayah dan penyalahgunaan dadah;

....

- (b) meningkatkan keberkesanan program-program rawatan dan pemulihan bagi penagihan dadah dan pesalah undang-undang; dan
- (c) menjalin kerjasama strategik dan perkongsian pintar dengan agensi-agensi Kerajaan yang lain dan Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO) serta badan-badan antarabangsa yang terlibat untuk menjamin keselamatan dan ketenteraman awam.

[30]Seterusnya, portal KDN turut merumuskan fungsi KDN kepada 9 bidang utama, yang antara lain adalah termasuk -

- (a) memelihara, mengekal dan meningkatkan keselamatan dan ketenteraman awam daripada sebarang ancaman, dan menjalankan penguatkuasaan ketenteraman awam dan keselamatan dalam negeri; dan
- (b) meningkatkan usaha membanteras bekalan, pengedaran dan penyalahgunaan dadah, dan meningkatkan keberkesanan pencegahan, rawatan dan pemulihan penagihan dadah.

[31]Di samping itu, seksyen 2 Akta Fungsi-Fungsi Menteri 1969 [Akta 2] memperuntukkan seperti yang berikut:

"2. (1) The Yang di-Pertuan Agong may by order notify in the Gazette—

...

(c) that a Minister has been conferred with any functions or has been charged with any responsibility in respect of a particular department or subject or that any transfer, to any other Minister, of any of the functions or responsibility referred to has been made;...?.

....

[32]Rujukan dibuat kepada Perintah Menteri-Menteri Kerajaan Persekutuan (No. 2) 2013 [*P.U. (A) 184/2013*] yang mana subperenggan 2(2) menyatakan -

“Orang yang namanya disebut dahulu dalam ruang pertama Jadual yang berhubungan dengan mana-mana jabatan atau perkara yang dinyatakan dalam ruang ketiga dan keempat yang bersetentangan dengan namanya hendaklah menjadi orang yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi jabatan atau perkara itu dan hendaklah dibantu oleh orang yang namanya terdapat di bawah nama orang yang mula-mula disebut itu dalam ruang pertama.?”

[33]Dalam jadual di bawah *P.U. (A) 184/2013*, Menteri Dalam Negeri adalah bertanggungjawab untuk menggubal dan melaksanakan dasar mengenai keselamatan dan ketenteraman awam. Tugas TMDN adalah untuk membantu Menteri Dalam Negeri dalam melaksanakan kewajipan-kewajipan Menteri tersebut.

[34]Melalui subperenggan 2(k)(ii) Perintah Menteri-Menteri Kerajaan Persekutuan (Pindaan) 2016 [*P.U. (A) 155/2016*], Jadual kepada *P.U. (A) 184/2013* telah dipinda dan nama “Tuan Masir anak Kujat?” dengan nama jawatan TMDN telah dimasukkan bagi menggantikan Datuk Nur Jazlan bin Mohamed. Ini bermakna antara fungsi YB Dato’ Masir Anak Kujat pada masa yang material dalam kes ini ialah bertanggungjawab untuk memelihara dan mengekalkan ketenteraman awam, kesejahteraan dan keselamatan dalam negara serta melaksanakan fungsi-fungsi dan menjalankan kuasa-kuasa di bawah Akta 316.

[35]Fakta bahawa salah satu tempat yang dinyatakan dalam Pengataan tersebut terletak di luar sempadan Malaysia tidak secara automatik menjadikannya satu perkara di luar bidang kuasa TMDN. Perkataan “pengedaran?” itu sendiri membayangkan perbuatan menggerakkan, membawa atau mengangkut sesuatu daripada satu tempat ke tempat yang lain. Pengataan tersebut merujuk kepada perbuatan menyembunyi, mengangkut, membawa, menghantar atau mengedar dadah berbahaya yang mana diketahui umum bahawa aktiviti pengedaran dadah adalah rentas sempadan. Pada hemat saya, tanggungjawab untuk membendung aktiviti seperti ini adalah termasuk di bawah objektif dan peranan KDN dan fungsi TMDN.

....

[36]Di samping itu, Pengataan tersebut turut menyatakan bahawa aktiviti pengedaran dadah bukanlah terhad kepada Pekan Danok, Thailand tetapi aktiviti tersebut juga berlaku di sekitar Kwarters AKSEM di Bukit Kayu Hitam. AKSEM telah ditubuhkan di bawah Akta Agensi Kawalan Sempadan Malaysia 2017 [*Akta 799*] bagi mengawal apa-apa kegiatan penyeludupan atau aktiviti lain yang menyalahi undang-undang di sempadan darat Malaysia (subseksyen 3(2) Akta 799 dirujuk). “Menteri? bagi maksud Akta 799 ialah Menteri yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi keselamatan dalam negeri. Pembacaan Akta 799 jelas menunjukkan bahawa pelaksanaannya adalah dalam bidang kuasa KDN. Kedudukan Kwarters AKSEM di Bukit Kayu Hitam adalah terletak dalam negara Malaysia.

[37]Selain itu, Pengataan tersebut juga menyatakan bahawa Pemohon telah membawa bekalan dadah jenis Syabu yang mengandungi dadah berbahaya jenis Methamphetamine ke sebuah rumah No.465, Sungai Tiang, FELDA Sungai Tiang, Pendang untuk diserahkan kepada seorang ahli sindiket bagi tujuan pengedaran.

[38]Kedua-dua lokasi Bukit Kayu Hitam dan Pendang adalah terletak di dalam negeri Kedah dan negara Malaysia. Oleh itu, alasan untuk menyokong permohonan ini iaitu TMDN telah bertindak di luar bidang kuasa apabila beliau mengeluarkan PT tersebut hanya kerana terdapat rujukan kepada Pekan Danok, Thailand nyata sekali adalah tidak berasas.

Isu Kedua: Rujukan minda TMDN ialah terhadap satu perkara di luar bidang kuasanya

[39]Perenggan-perenggan 12 dan 13 Afidavit Jawapan YB Dato’ Masir Anak Kujat menyatakan, antara lain, seperti yang berikut:

“12. ... Saya selanjutnya menyatakan bahawa setelah meneliti laporan-laporan dan dokumen-dokumen yang terkandung dalam fail kes Pemohon, saya telah menggunakan minda saya dan saya telah berpuas hati bahawa Pemohon pernah ada kaitan dengan apa-apa aktiviti yang berhubungan dengan atau yang melibatkan pengedaran dadah berbahaya seperti yang ditakrifkan di bawah seksyen 2 Akta Dadah Berbahaya 1952, iaitu mengedar dadah berbahaya jenis Heroin dan dadah jenis Syabu yang mengandungi dadah berbahaya jenis Methamphetamine seperti yang tersenarai di bawah Jadual Pertama, Bahagian III, Akta Dadah Berbahaya 1952. Penglibatan Pemohon telah memudaratkan ketenteraman awam dan saya telah berpuas hati bahawa penahanan perlu dibuat ke atas Pemohon di bawah Akta tersebut.

....

13. ... Saya sesungguhnya telah menimbang dengan penuh teliti laporan lengkap penyiasatan yang berkaitan dengan aktiviti Pemohon yang dikemukakan kepada saya pada **03-03-2017** oleh **INSPEKTOR WAN MOHD FADILLAH BIN MAT** iaitu Pegawai Penyiasat Polis di bawah seksyen 3(3) Akta tersebut dan pada **14-03-2017**, saya telah menerima laporan di bawah seksyen 5(4) Akta tersebut daripada Pegawai Siasatan Kementerian Dalam Negeri, **NADIA BINTI MOHD IZHAR**. Saya dengan sekeras-kerasnya menafikan segala dakwaan Pemohon yang tidak benar dan tidak berasas itu. Oleh yang demikian, Perintah Tahanan serta pernyataan mengenai alasan-alasan yang atasnya Perintah itu dibuat dan pengataa-pengataa fakta yang atasnya Perintah itu diasaskan yang telah saya keluarkan terhadap Pemohon adalah sah, efektif dan sempurna mengikut peruntukan undang-undang.?

[40] Peguam Pemohon telah berhujah secara lisan mengenai rujukan minda TMDN semasa menimbang laporan penyiasatan oleh Pegawai Penyiasat Polis di bawah subseksyen 3(3) Akta 316 dan laporan di bawah subseksyen 5(4) Akta 316 daripada Pegawai Siasatan KDN yang dikatakan melibatkan perkara di luar bidang kuasa TMDN atas sebab yang sama seperti yang dinyatakan dalam Isu Pertama di atas.

[41] Penghujahan tersebut bukanlah mengenai kecacatan atau ketidakaturan penahanan dan siasatan yang dijalankan terhadap Pemohon di bawah seksyen 3 Akta 316 tetapi menyentuh mengenai *subjective satisfaction* TMDN.

[42] Perkataan yang digunakan di bawah subseksyen 6(1) Akta 316 melibatkan kepuasan hati Menteri:

"6. (1) Jika Menteri, selepas menimbang-

- (a) laporan lengkap penyiasatan yang dikemukakan di bawah subseksyen 3(3); dan
- (b) laporan Pegawai Siasatan yang dikemukakan di bawah subseksyen 5(4),

berpuas hati berkenaan dengan mana-mana orang bahawa orang itu pernah ada atau sedang ada kaitan dengan apa-apa aktiviti yang berhubungan dengan atau yang melibatkan pengedaran dadah berbahaya, Menteri boleh, jika dia berpuas hati

....

bahawa bagi kepentingan ketenteraman awam orang itu perlu ditahan, melalui perintah (kemudian daripada ini disebut "perintah tahanan?") mengarahkan supaya orang itu ditahan selama suatu tempoh yang tidak melebihi dua tahun.?

[penekanan ditambah]

[43] Dalam hal ini, nas undang-undang telah jelas menetapkan bahawa perkara sedemikian adalah tidak tertakluk kepada semakan kehakiman. Hakim Clement Skinner dalam kes *Su Yu Min v Ketua Polis Negeri & Ors* [2005] 3 CLJ 875 di muka surat 891-892 memutuskan seperti yang berikut:

*"The applicant also complained that the Deputy Minister did not disclose what facts and allegations he had acted on in arriving at his decision that the activities of the applicant were detrimental to peace and public order in Kuching City, so as to warrant his arrest and detention. I do not regard this as a valid complaint. The court should be astute enough to see that what the applicant is attempting to do here by demanding for such disclosure is to indirectly achieve what it cannot achieve directly, namely, to subject the subjective satisfaction of the Deputy Minister to judicial review. It is well accepted that in cases of preventive detention the court will not question why or how the Minister arrived at his decision nor is the subjective satisfaction of the Minister subject to judicial review for the reason that the RRA expressly empowers the Minister to make an Order upon a subjective condition, that is, a particular state of his mind, such as, for example, 'Whenever it shall appear to the Minister', of that 'there are reasonable grounds for believing' and once the Minister says he is so satisfied, his subjective satisfaction is not subject to judicial review. In support of what I say, I refer to *The Minister of Home Affairs Malaysia & Anor v. Karpal Singh* [1988] 3 MLJ 29, the head note of which reads:*

Held (2) Whether there is reasonable cause for the making of the detention order is something which exists solely in the mind of the Minister of Home Affairs and he alone can decide it and it is not subject to challenge or Judicial Review unless it can be shown that he did not hold the opinion which he profess to hold.

Held (3) The subjective satisfaction of the Minister of Home Affairs is not subject to Judicial Review.

*I also refer to *Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri Malaysia & Ors v. Chua Teck* [1990] 1 CLJ 220;; [1990] 1 CLJ (Rep) 1791 where it was held (quoting from the headnotes:*

(1) Before the Minister makes an order for the extension of the detention order on the same grounds as the original detention order as in section 11A(1), the Minister need only be satisfied on the same ground on which the original detention order was made.

....

(2) ...

(3) *It is not open for the Court to question how or why the Minister is satisfied, so long as the Minister says that he is satisfied after considering all the information available to him that the detention should be extended.*

I am quite aware that the facts in the above 2 cases are different from the facts of this case and that both those cases were decided under the Internal Security Act 1960, but I refer to them for the principal stated in them because when the Minister is exercising power under that Act he is also required to make his order upon a subjective condition of his mind. By analogy, if the court will not subject the Minister's subjective satisfaction to judicial review when he is acting under the Internal Security Act 1960, I do not see why it should do so where the Minister's subjective satisfaction happens to be formed under the RRA.?

[penekanan ditambah]

[44] Walau apa pun, sebagaimana yang telah dinyatakan sebelum ini, aktiviti pengedaran dadah dalam Pengataan tersebut adalah tidak terhad kepada Pekan Danok, Thailand semata-mata dan melibatkan kawasan di sekitar Kuarters AKSEM di Bukit Kayu Hitam dan rumah No.465, Sungai Tiang, FELDA Sungai Tiang, Pendang di Kedah, Malaysia. Dengan yang demikian, isu kedua yang dibangkitkan iaitu rujukan minda TMDN ialah terhadap satu perkara yang di luar bidang kuasanya juga tidak mempunyai merit.

[45] Berdasarkan alasan-alasan seperti yang dihuraikan di atas, permohonan untuk suatu perintah writ *habeas corpus* dikeluarkan terhadap Pemohon telah ditolak.